



PELAN STRATEGIK 2009 - 2010

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

© Cetakan Pertama 2009
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, samada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran

bertulis daripada pihak
Universiti Teknikal Malaysia Melaka





KANDUNGAN

Prakata Y. Bhg. Naib Canselor.....	4
Visi, Misi, Moto.....	7
Objektif Universiti.....	10
Pengenalan.....	12
Peranan UTeM Dalam Merealisasikan Aspirasi Negara.....	13
Pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2009-2010.....	14
Senario UTeM Sehingga 2010.....	15
Kesimpulan.....	16
Strategi dan Tindakan.....	17
Daftar Kata.....	57



UPRAKATA

NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

اوپور مئیني پراکاتہ
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Pelan Strategik ini adalah dokumen yang akan memacu universiti untuk tempoh dua tahun sehingga 2010. Pelan ini juga adalah kesinambungan dari dokumen Pelan Strategik sebelumnya dan usaha misi mentransformasikan UTeM menjadi sebuah IPT yang terkehadapan.

Sesungguhnya usaha ini bukan sahaja terletak di bawah tanggungjawab saya seorang tetapi merupakan kerjasama dan usaha sama dari segenap lapisan warga Universiti.

Akhir kata, menjadi harapan semua warga UTeM bahawa dengan adanya Pelan Strategik UTeM 2009-2010 yang disertakan dengan harapan serta tekad menjayakannya. Kita akan sama-sama mengangkat UTeM menjadi sebuah IPT pilihan dengan acuan kita sendiri serta menjadi kebanggaan semua.



Prof. Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan





VISI



**Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif dan Inovatif
Terkemuka di Dunia**

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA





MISI



**Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni,
Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi Melalui Pendidikan
Universiti Teknikal Berkualiti dan Bertaraf Dunia Berteraskan
Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan Berorientasikan
Aplikasi Serta Perkongsian Pintar Universiti-Industri Seajar
Dengan Aspirasi Negara**





MOTO



Kompetensi Teras Kegemilangan

اونيورسيتي تېكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Where Great Technical Careers Begin www.utm.edu.my







Objektif UTeM

-  Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
-  Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-profesional).
-  Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
-  Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
-  Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
-  Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
-  Mempregiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan.
-  Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan





PENGENALAN



UTeM

- 1.1 Usaha menjadikan UTeM sebagai sebuah Universiti yang cemerlang menuntut ianya untuk sentiasa relevan, selaras dengan aspirasi pendidikan negara dan tepat dengan keperluan industri semasa. Penjana modal insan kelas pertama menjadi agenda terpenting untuk membawa Malaysia berganjak ke era yang penuh persaingan yang berpusatkan pengetahuan sebagai sumber kekuatan ekonomi dan masyarakat yang berdaya saing dalam menjana kekayaan negara dan keharmonian sejagat.
- 1.2 Sokongan dan kesepakatan dari semua pihak amat penting untuk mengemudi Universiti ini demi untuk merealisasikan visi UTeM "Menjadi Universiti Teknikal yang Kreatif dan Inovasi Terkemuka di Dunia". Hasrat utama, "Melahirkan Ahli Profesional yang Bersahsiah Murni, Kompeten dan Berketerampilan Tinggi melalui Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti dan Bertaraf Dunia Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran dan Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi serta Perkongsian Pintar Universiti-Industri Sejalan dengan Aspirasi Negara".



- 1.3 Justeru itu, bagi merealisasikan visi tersebut selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), satu dokumen Pelan Strategik UTeM 2009-2010 telah digubal untuk dijadikan panduan oleh semua warga Universiti mensasarkan pencapaian kejayaan UTeM seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Negara (KPT).
- 1.4 Pelan Strategik UTeM 2009-2010 menggariskan 8 objektif yang melibatkan pembangunan program akademik dan staf, penyelidikan, kemudahan, kesejahteraan pelajar, kerjasama antarabangsa dan penjana pendapatan Universiti berserta dengan petunjuk sasaran yang perlu dicapai menjelang 2010.
- 1.5 Penyediaan pelan strategik ini dibuat hasil daripada proses percambahan fikiran yang intensif, menyingkap pengalaman lalu, analisa keadaan semasa melalui *SWOT* dan menjangkau masa depan secara kolektif.

2. Peranan UTeM dalam Merealisasikan Aspirasi Negara

- 2.1 Pendidikan tinggi merupakan suatu aspek yang sangat dinamik dan sentiasa melalui proses evolusi dan transformasi mengikut peredaran masa. Proses ini berlaku lantaran daripada kemajuan negara yang melampaui era teknologi maklumat yang semakin berkembang pesat.
- 2.2 Matlamat pengajian tinggi dalam bidang pendidikan adalah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk menggunakan pengetahuan kepada amalan. Di samping itu, graduan perlu berinovatif, mempunyai kebolehan kognitif (berfikiran analitis dan kritikal, berupaya menyelesaikan masalah dan penaakulan), menguasai pelbagai bahasa dan keupayaan berkomunikasi dengan berkesan serta celik teknologi, menghayati nilai-nilai murni sebagai asas kehidupan dan mampu memberikan sumbangan bakti kepada masyarakat, negara dan dunia. (Petikan dari Dokumen Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara)
- 2.3 Selaras dengan aspirasi tersebut, UTeM telah juga bertanggungjawab memainkan peranan yang penting sebagai sebuah gedung ilmu dan pembangunan manusia bagi menghasilkan sumber manusia yang berilmu dan mahir bagi memberikan sumbangan kepada peningkatan sosioekonomi negara. Telah menjadi tanggungjawab UTeM untuk melahirkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang teknikal serta berkemampuan untuk mengaplikasikan pengetahuan yang diperoleh.



- 2.4 Selain daripada itu, UTeM juga berusaha menyumbang dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK9) bagi merealisasikan aspirasi negara dalam bidang pendidikan. Pelaksanaan ini boleh dilihat melalui usaha UTeM untuk memupuk budaya kecemerlangan dan prestasi tinggi dalam sektor awam dan swasta selain daripada menjadikan universiti ini sebagai sebuah universiti yang bertaraf antarabangsa.
- 2.5 Justeru itu, menjelang 2010 UTeM telah mensasarkan jumlah pelajarinya seramai 10,000 orang bagi melahirkan graduan yang seimbang yang mampu memberi sumbangan terhadap keharmonian masyarakat dan Negara.

3. Pelaksanaan Pelan Strategik UTeM 2009-2010

- 3.1 Pengurusan strategik dilihat sebagai satu proses yang berterusan. Proses ini melibatkan analisis matlamat strategik yang sewajarnya dibuat dalam mengambil kira perkembangan dan perubahan persekitaran sesebuah organisasi. Dengan pelaksanaan analisis tersebut, penetapan kaedah, teknik dan keputusan dapat dibuat bagi memastikan kejayaan dapat dicapai.
- 3.2 Penghasilan dokumen Pelan Strategik UTeM 2009-2010 ini dibuat hasil daripada semakan semula dokumen Pelan Strategik 2006-2010 KUTKM. Proses semakan ini dibuat kerana mengambil kira kepada persekitaran organisasi UTeM yang sentiasa mengalami perubahan dan hasrat menonjolkan keunikan dan kekuatan UTeM yang sewajarnya terserlah peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
- 3.3 Sejak ditubuhkan pada tahun 2000, UTeM telah beberapa kali mengadakan Bengkel Pelan Strategik bagi membuat semakan semula terhadap dokumen yang ada. Pada 15-17 Ogos 2008, satu bengkel semakan semula dokumen Pelan Strategik 2006-2010 KUTKM telah diadakan untuk mengenal pasti serta mengkaji kekuatan dan kelemahan UTeM sebagai sebuah Universiti yang menawarkan pendidikan teknikal. Pada peringkat kedua pula, proses pemurnian dokumen telah diadakan pada 11 September 2008 bagi membincangkan mengenai Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Pada 13 Oktober 2008, melalui perbincangan oleh kumpulan kerja semua strategi, pelan tindakan dan petunjuk prestasi dikenal pasti dan pengurusan telah bersetuju dengan penetapan lapan Objektif UTeM.
- 3.4 Lapan Objektif yang ditetapkan:
- i. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah;



- ii. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-profesional);
- iii. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional;
- iv. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar;
- v. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan;
- vi. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa;
- vii. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan; dan
- viii. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

3.5 Dalam penyediaan pelan strategik UTeM, perspektif *Balanced Scorecard (BSC)* turut diambil kira. Empat perspektif yang terkandung dalam penyediaan *Balanced Scorecard* termasuk: 1. Perspektif Kewangan/*Stakeholders*; 2. Perspektif Pelanggan; 3. Perspektif Proses Dalaman; dan 4. Perspektif Pembelajaran dan Pertumbuhan. Keempat-empat perspektif ini akan dirangkumi di dalam perancangan Universiti. Perkaitan antara pelan strategi dengan *Balanced Scorecard* ini dibuat adalah untuk menghasilkan pelan strategi yang praktik, seimbang dan mudah diterjemahkan untuk pelaksanaan.

4. Senario UTeM sehingga 2010

4.1 Pada masa kini UTeM beroperasi di tiga buah kampus iaitu Kampus Induk, Kampus Industri dan Kampus Bandar. Menjelang 2010 UTeM akan mempunyai enam fakulti yang menawarkan peluang belajar. Imej kampus yang baru disusun semula dengan semua fakulti kejuruteraan akan bertempat di Kampus Induk di Durian Tunggal dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahwanan akan beroperasi di Kampus Bandar, Bandar Melaka. Kampus Industri di Ayer Keroh akan ditamatkan penyewaannya dan dikosongkan. Walaupun begitu, hubungan dengan industri akan terus ditingkatkan.

Selain daripada itu, terdapat sembilan pusat tanggungjawab lain yang berfungsi memberi dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada warga universiti.

4.2 Perancangan dan tindakan UTeM sehingga tahun 2010 dapat dilihat melalui hubungan dengan Tonggak Institusional yang terkandung di dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara 2007-2010.



5. Kesimpulan

- 5.1 Adalah menjadi harapan UTeM semoga Pelan Strategik UTeM 2009-2010 menjadi rujukan utama kepada seluruh warga UTeM yang akan sentiasa bekerjasama dalam merealisasikan visi dan misi Universiti berlandaskan kepada Objektif UTeM. Pelaksanaan yang berkesan juga diharapkan dapat membantu UTeM berjaya mencapai objektifnya dan hasrat pendidikan Negara ke arah pembangunan modal insan yang cemerlang.



Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah



OBJEKTIF 1

Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah

Pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan aktiviti teras Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi melahirkan tenaga kerja profesional yang berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan dan teknologi. Kualiti pendidikan yang ditawarkan sentiasa dikawalselia bagi menepati standard yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dan badan profesional serta setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi terkemuka di dunia.

Penyediaan dan pengukuhan kurikulum pengajian dilaksanakan secara berterusan dengan penglibatan sektor industri dan stakeholder lain. Kerjasama strategik ini menghasilkan kurikulum yang sentiasa relevan, dinamik dan memenuhi tiga objektif utama iaitu bahagian teori yang menepati perkembangan saintifik dan teknologi, bahagian pengajaran yang berorientasikan aplikasi yang berkait rapat dengan keperluan amalan dalam industri, dan kelebaran serta kedalaman pengajian bagi membolehkan graduan mengadaptasi dengan cepat dalam bidang-bidang baru. Selain itu, pelaksanaan kaedah P&P berteraskan *Outcome-Based Education* dan menjurus kepada *problem centered & action learning* dan *experiential learning* serta diperkukuhkan dengan tenaga pengajar daripada sektor industri akan memastikan UTeM terus berdaya saing dalam melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dalam bidang kejuruteraan, sains komputer, teknologi maklumat dan teknousahawanan.



Bagi merealisasikan usaha ini, UTeM akan menyediakan kemudahan P&P yang terbaik dan terkini. Pengajaran berkonsepkan *teaching factory* yang dilengkapi dengan peralatan dan mesin-mesin berteknologi tinggi serta kemudahan ICT yang terkini mewujudkan suatu suasana pengajaran yang kondusif dan paradigma baru dalam penyampaian ilmu pengetahuan. Selaras dengan itu juga UTeM akan memastikan tenaga pengajarnya mempunyai tahap kemahiran teknikal yang tinggi serta dilengkapi dengan padagogi pendidikan agar ilmu dapat disampaikan dan disebarkan dengan berkesan.

Perubahan dan anjakan baru dalam pendidikan tinggi akan menghasilkan modal insan cemerlang dengan mentaliti kelas pertama. Modal insan yang mempunyai kemahiran tinggi dalam pelbagai bidang kemahiran yang dilengkapi pula dengan kemahiran isaniah menjadi pilihan utama para majikan. Oleh yang demikian, bagi meningkatkan kemahiran isaniah para pelajar, kurikulum pengajian diperkukuhkan dengan memasukkan mata pelajaran keusahawanan, pemikiran kreatif dan kemahiran berkomunikasi. Aktiviti kerohanian dan jati diri juga diwajibkan kepada semua pelajar sebagai nilai tambah kepada kecemerlangan akademik. Ini akan mempermudah graduan UTeM mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

Membina reputasi universiti dalam P&P serta penyelidikan dan inovasi merupakan pemangkin untuk meningkatkan pengantarabangsaan UTeM. Penganjuran persidangan antarabangsa dan mempergiatkan penerbitan dalam jurnal berwasit akan meningkatkan sitasi tenaga pengajar di arena antarabangsa dan secara tidak langsung dapat menarik perhatian dan minat pelajar luar negara untuk belajar di UTeM. Selain itu ia juga dapat menarik minat tenaga pengajar antarabangsa untuk berkhidmat dengan universiti dan menarik minat institusi antarabangsa mewujudkan kolaborasi dengan UTeM.

Pihak pengurusan Universiti akan terus memastikan UTeM berdaya saing di peringkat global dengan memastikan program akademiknya diiktiraf, tenaga pengajarnya berkemahiran tinggi dan mempunyai reputasi tinggi di peringkat antarabangsa, kemudahan P&P berteknologi terkini, peningkatan dalam R&D yang dihubungkan dengan mengemaskini pengetahuan yang terkini bagi pelajar.



Objektif 1

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
1.1	Menyediakan dan mengukuhkan kurikulum dalam bidang kejuruteraan dan teknologi.	Menambah baik dan membangunkan program dan kursus kejuruteraan dan teknologi dengan Penubuhan fakulti baru dan Penubuhan Institut / Pusat baru	TNC (A&A)	Bilangan kursus baru	10 kursus
				Bilangan fakulti baru	2
				Peratus program dibuat semakan semula kurikulum	100%
		Meningkatkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran	Dekan Fakulti	Bilangan Modul e-Learning	4 Subjek setiap fakulti
				Komputer riba untuk pensyarah	10%
				Nisbah komputer:pelajar	1:5
		Meningkatkan pelaksanaan kaedah P&P berteraskan aplikasi dan amalan serta mengukuhkan dan memantapkan sistem pentaksiran	Dekan Fakulti	Peratus / Bilangan matapelajaran yang menerapkan PBL, CBT dan CBL,OBE	100%
		Peratus projek PSM yang berkaitan dengan industri	20%		
	Meningkatkan kemahiran berkomunikasi dan penggunaan Bahasa (pensyarah dan pelajar) terutama bahasa Inggeris di dalam bidang berasaskan matematik, sains dan teknologi serta menawarkan mata pelajaran bahasa ketiga (Mandarin, Jerman, Jepun dan Arab)	Dekan Fakulti / Dekan PBPI / Dekan HEPA	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan 6 bulan selepas tamat pengajian	100 %	
	Memperoleh akreditasi dan pengiktirafan bagi setiap kursus yang ditawarkan	Dekan Fakulti / Pengarah PJKA	Peratus kursus mendapat akreditasi dan pengiktirafan	100%	
	Penglibatan pensyarah dari sektor industri dalam P&P	Dekan Fakulti	Peratus pensyarah dari industri	5%	



Objektif 1

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
1.2	Meningkatkan kualiti pelajar.	Meningkatkan pencapaian akademik	Dekan Fakulti	Peratus pelajar yang mencapai PNGK 3.7 dan ke atas	10 %
		Merancang dan melaksanakan program penyesuaian pembelajaran di universiti dan kehidupan di kampus untuk pelajar baru	Dekan HEPA	Peratus pelajar yang mencapai PNGK 3.0 ke atas	70%
		Memantapkan sistem Penasihat Akademik (PA)	Dekan Fakulti	Bilangan anugerah / pengiktirafan pihak luar.	3 anugerah kebangsaan dan 1 anugerah antarabangsa setahun
		Mempelbagai kaedah dan keberkesanan promosi	TNC (A&A)	Peratus Senarai Dekan (PNG 3.5 dan ke atas)	15 %
		Meningkatkan kualiti pelajar kemasukan terus	Dekan Fakulti	Kemasukan matrikulasi /STPM dengan PNGK 3.0 ke atas	50 %
		Merancang dan mengadakan aktiviti bagi persediaan pelajar memasuki pasaran kerja	Dekan HEPA / Dekan Fakulti	Peratus pelajar kemasukan terus dengan PNGK 3.0 ke atas	100%
				Peratus graduan yang mendapat pekerjaan 6 bulan selepas tamat pengajian	100%
		Merancang dan menganjurkan pelbagai aktiviti pembinaan sahsiah pelajar	Dekan HEPA	Peratus yang terlibat dalam kesalahan akademik	Sifar
		Peratus terlibat dengan kesalahan jenayah	Sifar		



Objektif 1

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
1.3	Meningkatkan pencapaian program pengajian siswazah	Meningkatkan program pasca siswazah	TNC (A&A)	Bilangan Kursus secara Kerja Kursus	20
		Meningkatkan enrolmen pelajar siswazah	Dekan Fakulti / Dekan PPS	Peratus pelajar pasca siswazah daripada keseluruhan enrolmen pelajar	10 %
				Peratus pelajar pasca siswazah antarabangsa daripada keseluruhan pelajar pasca siswazah	15%
				Peratus kemasukkan pelajar dengan PNGK > 3.0	50%
		Meningkatkan kompetensi dalam kalangan pelajar siswazah	Dekan Fakulti / Dekan PPS	Peratus pelajar penyelidikan tamat pengajian dalam tempoh lazim yang ditetapkan	80%
		Meningkatkan hubungan dengan industri/institusi luar dari segi penyeliaan dan pembiayaan siswazah	Dekan Fakulti / Dekan PPS	Peratus pelajar mendapat pembiayaan industri / institusi luar	5%
		Peratus pelajar yang menjalankan projek usahasama	5%		



Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-profesional)



UTEM

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



OBJEKTIF 2

Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-profesional)

Seluruh warga Universiti memikul tanggungjawab dan amanah untuk merealisasikan visi, misi dan teras strategik Universiti. Amanah dan tanggungjawab ini akan mencapai matlamatnya jika UTeM dianggotai dan diwarisi oleh stafnya yang kompeten dan profesional serta berilmu pada semua peringkat skim perkhidmatannya. Pembudayaan staf yang kompeten dan profesional berilmu bukan sahaja bertumpu kepada pencapaian akademik yang produktif tetapi juga bergantung kepada pelaksanaan penanggungjawaban setiap profesional yang berilmu.

Adalah amat jelas bahawa tenaga manusia atau staf UTeM adalah satu sumber terpenting yang perlu diuruskan secara paling bijaksana berbanding sumber-sumber lain. Namun demikian, pengurusan tenaga manusia sentiasa mencabar kerana pengurusannya diselubungi oleh keadaan persekitaran yang sentiasa terdedah kepada perubahan menyebabkan proses membuat keputusan mengenainya juga terdedah kepada risiko. Justeru itu, perancangan tenaga manusia UTeM mesti berteraskan perancangan yang jelas, teratur dan berinovatif.

Oleh yang demikian perancangan berkaitan pengurusan dan pembangunan tenaga manusia UTeM hendaklah berkeupayaan mengadakan strategi yang jelas, tepat dan sesuai dengan persekitaran dan masa. Berdasarkan komitmen ini, Universiti bertekad dalam menjayakan Pelan Strategik UTeM 2009 - 2010



untuk melipatgandakan usaha pengambilan dan pelantikan staf akademik berwibawa dari dalam dan luar negara, meningkatkan keberkesanan program-program latihan dan pembangunan sumber manusia dengan memperkenalkan program Pembangunan Profesional Berterusan (MyCPD) yang bertujuan untuk mengekal, mengembang dan mempertingkatkan kompetensi dan profesionalisme staf yang juga satu kaedah pembelajaran sepanjang hayat. Di samping itu, Universiti juga berusaha melakukan usaha untuk mentransformasikan keunggulan jati diri sumber manusia menerusi program-program latihan yang membangun dan menggabungkan sinergi dari kecerdasan intelektual, emosional dan spritual secara bersepadu. Usahasama pewujudan skim perkhidmatan Jurutera Pengajar yang terbaik dan menarik bersama dengan agensi pusat akan digiatkan.

Semua usaha Universiti ini dalam membangunkan staf yang kompeten dan profesional berilmu bukan sahaja mampu membangunkan budaya ilmu, malah dapat memartabatkan budaya ilmu di Universiti ini. Program-program yang dinyatakan di atas diyakini dapat mencetuskan elemen integriti dan akauntabiliti yang tertinggi dalam kalangan staf untuk dapat melaksanakan tanggungjawab jawatan yang disandang sebagaimana yang ditetapkan berdasarkan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

Sebagai merumuskan betapa kejayaan misi di atas amat bergantung kepada faktor tenaga manusia yang menganggotai organisasi ini, Universiti akan melaksanakan dan menerapkan model kompetensi kepada fungsi-fungsi pengurusan sumber manusia seperti pemilihan dan pelantikan, penempatan, latihan dan pembangunan, pengurusan prestasi, kenaikan pangkat, laluan kerjaya serta perancangan penggantian. Memperoleh staf baru yang terbaik, meningkatkan kemampuan dan potensi staf sedia ada dan mengekalkan semua staf yang cemerlang merupakan agenda yang utama.



Objektif 2

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010	
2.1	Mendapatkan staf yang kompeten dari dalam/ luar negara	Membuat promosi dalam dan luar Negara	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus staf akademik dari luar negara mempunyai Ph.D	5%	
		Promosi melalui <i>International Job Street</i>				
		Mengadakan kemudahan tambahan berbanding skim perkhidmatan sedia ada			Peratus staf (Pensyarah) yang mempunyai cohort yang seimbang	
		Mempergiatkan pengambilan staf yang berkelayakan Ph.D			i. Pengalaman melebihi 15 tahun	20%
					ii. Pengalaman melebihi 5 - 15 tahun	40%
					iii. Pengalaman kurang 5 tahun	40%
		Mempergiatkan pengambilan staf Yang mempunyai pengalaman industri	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus Jurutera Pengajar (JP) yang mempunyai status P.Eng	30%	
			Peratus staf (JP) yang mempunyai cohort yang seimbang			
			i. Pengalaman melebihi 15 tahun	20%		
			ii. Pengalaman melebihi 5 - 15 tahun	40%		
			iii. Pengalaman kurang 5 tahun	40%		
	Meningkatkan penghantaran staf akademik melanjutkan pelajaran di peringkat Ph.D	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus staf akademik yang mempunyai kelayakan ikhtisas Ph.D	30 %		
	Mendapatkan staf yang kompeten dari negara ketiga yang telah mendapatkan <i>transfer technology</i> dari negara maju	Pendaftar	Bilangan staf yang kompeten dari luar negara yang dilantik secara <i>Contract of Service</i> atau <i>Contract For Service</i>	5		
	Mendapatkan profesional dari industri untuk berkhidmat	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus Staf yang mempunyai latar belakang industri	20%		



Objektif 2

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
2.2	Menyediakan skim latihan dan penambah baikkan kepada staf	Menyediakan infrastruktur latihan yang efektif	Pengarah PPPA / Pengarah Pusat Komputer	Jam latihan per staf setiap tahun	40 jam
		Menyediakan kursus-kursus yang relevan dan terkini	Pendaftar / Pengarah PPP	Peratus Staf yang mencapai skala kepuasan melebihi 3.5 dari 5.0	100%
		Merancang jadual latihan/kalendar tahunan dan laluan kerjaya staf	Pendaftar	Peratus Kemampuan melaksanakan latihan oleh staf dalaman	80%
		Menubuhkan unit pemantauan keberkesanan peralatan kemudahan P&P	Pengarah PPP	Bilangan Unit ditubuhkan	1
		Memastikan staf menghayati dan boleh melaksanakan OBE dalam P&P	Pengarah PPP	Bilangan Modul setahun	4
		Menyediakan Latihan <i>Emotional Spiritual Quotient</i> (ESQ)	Pendaftar	Peratus staf yang telah melalui ESQ	100%
		Memastikan staf boleh melaksanakan E-Learning bagi matapelajaran berkaitan.	Dekan Fakulti / Pengarah PPP / Pengarah Pusat Komputer	Peratus subjek yang diajar melalui kaedah <i>e-learning</i>	20%
		Menjalankan Kajian Dalam Bidang Pendidikan Kejuruteraan (<i>Research in Engineering Education</i>)	Dekan Fakulti / Pengarah PPP	Bilangan geran kajian bidang pendidikan kejuruteraan setiap fakulti	1
		Membangunkan program Pembangunan Profesional Berterusan (MyCPD)	Pendaftar	Penyediaan MyCPD	1



Objektif 2

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
2.3	Mengekalkan staf yang kompeten	Menyediakan skim perkhidmatan Jurutera Pengajar yang menarik	Pendaftar	Penyediaan skim Jurutera Pengajar	1
		Pelaksanaan proses kenaikan pangkat yang telus dan berkala		Bilangan proses kenaikan pangkat setahun	2
		Menawarkan pelantikan kontrak kepada staf yang berkecukupan selepas mencapai umur persaraan wajib.		Bilangan pesara yang dilantik secara kontrak	5
2.4	Mempunyai Staf yang diiktiraf oleh pihak tertentu	<p>Mengekalkan persijilan ISO dalam P&P dan memperluaskan skop persijilan.</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pejabat Pendaftar - Perpustakaan - Program Pasca Siswazah 	Pendaftar / Dekan Fakulti / Dekan Fakulti / Dekan PPS / Ketua Pustakawan / Pegawai Pengarah PJK	Bilangan sijil dikekalkan	1
				Bilangan perluasan skop	3
		Menjalinkan hubungan strategik dengan badan-badan profesional	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus staf akademik yang berdaftar dengan sekurang-kurangnya satu badan profesional	100%
		Menyediakan peluang supaya pensyarah kejuruteraan boleh mendapat pengalaman yang membolehkan mereka mendapat status jurutera profesional	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus staf yang aktif dalam badan profesional	2 %
	Mempertingkatkan penghantaran staf menjalani sangkut industri	Pendaftar / Dekan Fakulti	Peratus staf akademik yang telah melalui program sangkut industri	10 %	



**Memacu aktiviti penyelidikan
dan pembangunan yang
berteraskan industri strategik
untuk menjana kekayaan
nasional**



OBJEKTIF 3

Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional

Objektif Penyelidikan dan Pembangunan ini menyediakan asas kepada hala tuju aktiviti penyelidikan dan inovasi di UTeM. Objektif dan keutamaan dalam strategi ini dibentuk berteraskan beberapa polisi kerajaan yang sedang digerakkan terutamanya Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan juga Polisi Inovasi Kebangsaan.

Pendekatan Universiti terhadap penyelidikan dan pembangunan untuk tahun 2009 dan 2010, adalah berfokus kepada penjana nilai dengan pembangunan kejuruteraan dan teknologi ke dalam aktiviti ekonomi negara yang menjana kekayaan dengan impak yang ketara.

UTeM perlu meningkatkan kualiti dan produktiviti penyelidikannya dengan terus meneroka kerjasama baru lagi inovatif yang akan menjana hasil penyelidikan berkualiti tinggi sejajar dengan keutamaan penyelidikan negara dan antarabangsa. Walaupun penyelidikan asas akan terus menjadi sebahagian daripada usaha penyelidikan dan kepentingan negara, hubungan antara penyelidik, kerajaan, industri dan komuniti wajar dipesatkan untuk mewujudkan sinergi yang akan memperkukuh ekonomi negara. Penekanan akan diberikan kepada kerjasama industri nasional dan juga multinasional yang strategik. UTeM juga akan terus memberi khidmat intelektual kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam membangunkan aktiviti perniagaan mereka.



Teras penyelidikan pelbagai disiplin yang responsif kepada isu penting di peringkat negara dan antarabangsa merupakan satu dari strategi yang dikenal pasti untuk meningkatkan profil Universiti. Penubuhan pusat-pusat penyelidikan adalah strategi pelengkap ke arah ini. Pusat-pusat penyelidikan yang kompetitif di peringkat kebangsaan serta antarabangsa ini akan menyokong pembangunan kluster penyelidikan pelbagai disiplin keutamaan. Semua ini akan menjadikan kumpulan penyelidik yang cemerlang serta mendapat pengiktirafan bagi mendapatkan pembiayaan negara dan antarabangsa.

Melalui beberapa pendekatan baru untuk menyelaras aktiviti penyelidikan dan mengukuhkan hubungan antarabangsa, UTeM berupaya meningkat produktiviti penyelidikan, meningkat pengiktirafan luar terhadap kualiti dan nilai penyelidikan, mengukuhkan penyelidikan yang sedia mantap dan mempelbagai sumber pembiayaannya. Pada masa yang sama Universiti akan terus mempertingkatkan prestasi pengkomersilan hasil penyelidikan, termasuk meningkatkan pemfailan paten, pelesenan teknologi, penyelidikan kontrak dan perundingan. Oleh yang demikian strategi-strategi yang telah digarap akan menjadi asas kepada kelestarian jangka panjang kepada aktiviti penyelidikan dan inovasi UTeM.



Objektif 3

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
3.1	Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dipacu dan berkaitan dengan Industri Strategik untuk penjanaaan kekayaan negara	Mengenal pasti teknologi dan inovasi kompetitif yang diperlukan industri strategik	Dekan Fakulti / Dekan UNIC	Bilangan industri strategik yang boleh ditawarkan kepakaran Universiti	10 (2 setiap fakulti)
				Bilangan IKS dibangunkan dalam bidang Teknologi Pembuatan Termaju (AMT)	10 (2 setiap fakulti)
				Jumlah Geran <i>Technofund / Innofund</i>	2 juta
		Menjalin/Mengukuhkan rangkaian kerjasama dan perkongsian pintar dengan industri strategik	Dekan Fakulti / Dekan UNIC	Bilangan rakan industri strategik	10 (2 setiap fakulti)
		Menyediakan rangka kerja dan mekanisme kerjasama	Dekan Fakulti	Bilangan MoU dan MoA	MoU : 5 MoA : 10
				Bilangan staf sangkut industri	10
				Bilangan lawatan tokoh universiti dan industri	10 (2 setiap fakulti)
				Bilangan pelajar pasca siswazah dan pasca kedoktoran dalam industri	5 (1 setiap fakulti)
		Mewujudkan Pusat Penyelidikan (Research Center) / Pusat Kecemerlangan (<i>Centre of Excellence</i>)	Dekan Fakulti	Bilangan Pusat	5 (1 setiap fakulti)
		Melaksanakan penyelidikan dalam bidang tujahan universiti yang menyokong industri strategik negara	Dekan Fakulti / Dekan UNIC	Bilangan projek	5 (1 setiap fakulti)
		Bilangan Kursi penyelidikan tajaan industri	1 kursi multidisiplin		
		Bilangan Felo Penyelidik industri	5 (1 setiap fakulti)		
		Bilangan makmal kerjasama industri	5 (1 setiap fakulti)		



**Menyediakan persekitaran
yang kondusif dan
mesra pelajar**



OBJEKTIF 4

Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar

Perancangan dan pelaksanaan pembangunan fizikal bermula dalam Rancangan Malaysia Kelapan (tahun 2001 hingga 2005) dan melangkaui ke Rancangan Malaysia Kesembilan (tahun 2006 hingga 2010). Setelah lapan tahun berlalu infrastruktur asas, bangunan akademik, bangunan sokongan serta bangunan gunasama telah hampir siap dibina. Segala pelaksanaan pembangunan ini adalah bersandarkan Pelan Induk Universiti yang merangkumi tempoh sepuluh tahun (tahun 2001-2010) kajian perancangan fizikal yang rapi dan terperinci. Justeru, bagi menyempurnakan lagi ke arah memberikan persekitaran yang kondusif kepada warga kampus khususnya, penumpuan tahun 2009 dan 2010 menyaksikan penekanan diberikan untuk projek-projek yang lebih menjurus kepada hubungan keperluan ruang kemanusiaan. Secara tidak langsung menghubungkan infrastruktur serta bangunan-bangunan sedia ada dengan keperluan harian warga kampus baik pelajar mahupun staf selaku pengguna.

Integrasi antara pembangunan fizikal dan keperluan insaniah pengguna adalah merupakan usaha menjadikan UTeM sebuah Universiti Seimbang. Universiti Seimbang bermaksud pembangunan berpandukan prinsip yang berasaskan nilai-nilai murni sejagat. Setelah bangunan yang tersergam gah siap untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, kini penumpuan dalam masa dua tahun ini akan diberikan untuk penyempurnaan kelengkapan bangunan. Kesemua ruang pengajaran dan pembelajaran akan dilengkapi dengan perabot mudah-alih mahupun



perabot bina-dalam mengikut perancangan fakulti yang juga bersesuaian dengan pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Kesemua ini akan mewujudkan sentuhan imej tersendiri atau *personal touch* kepada universiti. Keunikan ini akan turut menerapkan ciri-ciri teknologi tinggi di samping mengekalkan warisan budaya serantau, lebih-lebih lagi lokasinya dalam negeri Melaka Bandaraya Bersejarah. Elemen warisan seperti jubin bermotif, kesenibinaan vernacular, langkah terbuka akan diterapkan dalam kerja-kerja hiasan dalaman bangunan tersebut.

Kampus Induk akan disediakan dengan sistem pejalan kaki yang lebih tersusun dengan adanya laluan berbumbung antara bangunan, litar laluan yang berturap pavior, tangga pintas antara aras, peletakan perabot jalanan yang sesuai, dan yang paling penting menyediakan landskap yang memberi teduhan. Lantas ia membangkitkan keredupan dan warna keceriaan dalam menampilkan persekitaran kampus yang indah dan kondusif. Sistem petanda nama diperbaiki dengan mendirikan mercu tanda yang lebih informatif, terang dan jelas. Medan letak kereta disusun semula dengan mengambilkira populasi warga kampus semasa, tepian jalan raya akan ditambah dengan petak rumput pasang siap dan tempat letak kereta berbumbung.

Projek-projek Mesra Pelajar yang dilaksanakan termasuk membina tempat letak motosikal berbumbung, wakaf pelajar, permatang pelajar di setiap fakulti dan kios keusahawanan pelajar. Pembahagian zon disusun untuk kemudahan kawasan layar tanpa wayar bagi mewujudkan Laman Siber dan pentas persembahan terbuka. Persekitaran bangunan Pepustakaan akan disediakan dengan gazebo bacaan terbuka dikelilingi dengan pokok-pokok rendah untuk teduhan. Kemudahan sokongan turut disediakan dengan memasang *autoteller bank* di kawasan bangunan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Bangunan Persatuan Pelajar akan dilengkapi dengan kemudahan perbankan elektronik, sebuah Pos Mini, kedai buku dan sebuah *gymnasium*. Sistem pengangkutan turut diperbaiki dengan menyediakan bas *shuttleling* dan menarik perkhidmatan bas awam ke dalam kampus. Perhentian bas akan dibina pada tempat strategik menunggu mengikut zon. Satu kawasan dikenalpasti dan didirikan sebagai terminal sementara bas dalam kampus. Dari aspek keselamatan, setiap bangunan akan dilengkapi dengan sistem CCTV bagi memantau situasi keselamatan.



Konsep Mesra Alam telah diintegrasikan dalam pembangunan sedia ada, iaitu aliran hijau atau green belt dikekalkan yang meliputi hampir suku kawasan hijau dari keluasan tanah universiti. Kawasan hijau yang merangkumi dusun buah-buahan, ladang getah dan ladang kelapa sawit di lestarian dengan aktiviti riadah dan rekreasi. Penerapan Gaya Hidup Sihat dalam kawasan hijau ini dilaksanakan melalui projek-projek seperti trek *jogging*, litar larian berhalang sejauh 1.5 kilometer, laluan basikal berhalang, kawasan perkhemahan, *abseiling* dan *wall climbing*. Kesemua kemudahan ini akan diselaraskan di Bangunan Kokurikulum yang masih dalam pembinaan. Sebuah dewan futsal tertutup dengan dua gelanggang turut dibina. Bagi sukan secara kompetitif selain daripada bangunan Kompleks Sukan sedia ada, projek tambahan seperti dinding praktikal tenis, tempat duduk bertingkat penonton hoki/ragbi/bola sepak/bola keranjang, kemudahan persalinan dan tandas akan dibina berhampiran dengan padang dan gelanggang terbuka.

Secara keseluruhannya pembinaan bangunan dilaksanakan bagi mencapai Pembangunan Universiti Lestari, dimana kampus bergerak secara bebas dengan kemudahan reservoir bekalan air, *electrical switching station*, sistem perkumbahan yang mampu menanggung populasi pelajar sehingga 15,000 orang. Ia seiring dengan polisi universiti untuk memberikan penempatan penginapan pelajar dalam kampus sehingga 60 peratus. Setiap Kolej Kediaman akan menempatkan bangunan 4-tingkat dormitari untuk 1,500-2,000 orang pelajar (dua orang sebilik) dilengkapi dengan sebuah arked pelajar serta kafetaria. Kemudahan penginapan seorang Pengetua dengan empat orang Felo turut disediakan. Pembinaan Kolej Kediaman akan turut memperuntuk sebuah padang bola sepak dan gelanggang permainan bukan kompetitif. Tahun 2010 bakal menyaksikan hampir 6,000 pelajar menginap dalam kampus, seterusnya menambahkan keceriaan suasana kehidupan dalam kampus.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pihak Pengurusan universiti senantiasa prihatin dan berusaha terhadap keperluan warga kampus bagi mewujudkan sebuah kampus yang persekitarannya kondusif dan mesra pelajar. Adalah menjadi wasasan Universiti untuk mengadakan pembangunan yang komprehensif yang membolehkan Universiti Teknikal Malaysia Melaka sebagai tempat terbaik untuk belajar. Ia sejajar dengan hasrat kerajaan negeri Melaka untuk menjadikan Melaka sebagai hub pelajaran yang lengkap dan mesra pelajar.



Objektif 4

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
4.1	Melaksanakan sepenuhnya pembangunan kampus universiti	Menyiapkan pembangunan kampus induk mengikut perancangan 5 tahun dalam RMK 9	Pengarah PPPA	Peratus bangunan / infrastruktur yang siap beroperasi	100 %
		Menyediakan penempatan pelajar yang mencukupi dan selesa		Peratus pelajar universiti yang menginap dalam kampus	45%
4.2	Mewujudkan kampus sejahtera yang kondusif, persekitaran endah dan mesra	Membina <i>functional building</i> yang menyepadukan persekitaran yang endah	Pengarah PPPA	Peratus kerja yang dapat disiapkan mengikut kontrak	100%
		Mewujudkan persekitaran dan perkhidmatan perpustakaan yang indah	Ketua Perpustakawan		
		Mewujudkan pembahagian zon untuk kemudahan layar tanpa wayar (<i>wireless</i>)	Pengarah Pusat Komputer		
		Menyediakan kemudahan dan program sukan dan riadah dan jati diri yang lengkap	Pengarah PPPA / Dekan HEP / Pengarah Pusat Sukan		
		Memantapkan sistem keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam kampus	Dekan Fakulti / Pengarah PPPA / Pegawai Keselamatan		
		Memantapkan sistem keselamatan aset universiti dan sistem pergerakan lalu lintas kampus	Pengarah PPPA / Pegawai Keselamatan		





Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan



OBJEKTIF 5

Memperkasa keimpinan dan pentadbiran yang berkesan

Syarahannya Kepimpinan Perdana 2009, bertajuk "Pembangunan Modal Insan Untuk Masa Depan: Pemangkin Pembangunan Ekonomi" oleh YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia telah meletakkan kepimpinan dan tadbir urus sebagai antara enam prinsip asas untuk memastikan kejayaan dan kualiti pendidikan tinggi negara. Kepimpinan Naib Canselor diminta untuk cuma mempunyai satu hasrat iaitu untuk memacu Universiti yang di bawah pimpinan dan tanggungjawabnya ke arah kegemilangan dan keunggulan. Kepimpinan Universiti juga diminta untuk betul-betul mengetahui keadaan persekitarannya yang mencabar dan keperluan untuk menanganinya.

Justeru itu, bentuk kepimpinan dalam persekitaran UTeM masa kini haruslah memfokuskan tiga aspek utama iaitu kepimpinan intelektual yang terdiri daripada profesor-profesor yang akan memimpin pengurusan pembudayaan akademik produktif terutama dalam memperkasa aktiviti pembangunan dan penyelidikan. Di samping itu, UTeM mesti menyediakan juga pelapis kepimpinan untuk mengisi kepimpinan pengurusan mulai sekarang untuk masa depan terutama bagi jawatan pentadbir akademik yang penting seperti Dekan, Fakulti dan Pusat Kecemerlangan. Pendedahan dan latihan kepimpinan kepada pelapis kepimpinan daripada kalangan staf akademik ini amat penting supaya mereka juga mampu untuk menyediakan wawasan untuk Universiti, menakrif dan menentukan objektif membuat perancangan strategik serta berkeupayaan menggerakkan sumber-sumber seperti tenaga manusia, kewangan dan kemudahan fizikal demi mencapai matlamat organisasi.



Staf akademik yang muda tetapi berwibawa dan berkelayakan juga amat perlu dilatih sebagai pelapis kepimpinan institusi untuk memimpin Universiti ke arah menjalin hubungan yang rapat dengan persekitaran di luar Universiti terutamanya dengan sektor industri selain daripada sektor awam dan masyarakat amnya.

Bagi melahirkan kepimpinan intelektual, kepimpinan pengurusan dan kepimpinan institusi yang berkesan dan pelapis kepimpinan yang berwibawa, Universiti akan bekerjasama dengan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) dalam memenuhi keperluan latihan dan pembangunan kepimpinan Universiti ini. Di samping itu, Universiti juga akan mewujudkan program dan latihan seumpamanya secara dalaman menerusi *UTeM Leadership Development Programme (ULDP)*.

Universiti sebenarnya sebuah organisasi yang bukan sahaja kompleks dalam konteks ciri-ciri kepimpinannya tetapi juga dalam konteks tadbir urusnya. Tadbir urus Universiti adalah merangkumi beberapa komponen yang utama seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, sumber manusia, aset, kewangan, teknologi maklumat, harta intelek dan seumpamanya. Kesemua komponen utama tadbir urus ini mendasari teras strategi Universiti ini. Justeru, usaha untuk memperkasa tadbir urus yang berkesan adalah amat kritikal dan mencabar kepada setiap warga Universiti bagi menyempurnakan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan ianya perlu di dokong bersama.

Tadbir Urus dalam sesebuah organisasi mempunyai matlamat untuk memberikan kepuasan kepada pelanggan dan *stakeholders*, memastikan tahap akauntabiliti dan integriti yang tinggi dalam pengurusan, penerapan nilai-nilai keusahawanan dan pendekatan korporat bagi amalan terbaik (*best practices*) dalam perkhidmatan sehingga mencapai tahap *world class* serta penekanan kepada kecekapan dan keberkesanan dalam setiap perkhidmatan yang diberikan.

Perubahan yang berlaku dalam persekitaran sistem pendidikan tinggi negara termasuk proses globalisasi telah meruntun tekanan untuk Universiti memperluas konsep tadbir urus dan ekspektasi *stakeholders* dan pelanggan. Universiti juga mengaplikasikan teknologi maklumat secara menyeluruh dalam pengurusan dan pentadbiran bagi



menjayakan *e-governance*. Universiti juga akan menggunakan *BALANCED SCORECARD* sebagai alat pengukuran prestasi yang lebih praktikal dalam perkhidmatan Universiti ini dan pelaksanaannya memerlukan sokongan setiap lapisan dan peringkat pengurusan di Universiti ini.

Tadbir Urus terbaik perlu bermula dengan pihak atasan kerana segala perancangan dan keputusan yang dilakukan oleh Lembaga Pengarah serta pengurusan atasan untuk mengemudikan Universiti agar dapat mempraktikkan etika dan tadbir urus yang sihat. Oleh itu, ketelusan dalam membuat keputusan adalah penting terutama peringkat pengurusan tertinggi Universiti.

Peranan Lembaga Pengarah, Senat dan Naib Canselor perlulah di dokong dan diberikan sokongan sepenuhnya bagi memudahkan pelaksanaan dan melicinkan pentadbiran Universiti. Pembangunan modul-modul kepimpinan bagi membantu pentadbiran Universiti perlu digerakkan dengan berkesan dan cekap merangkumi segala aspek pengurusan dan perjawatan.

Misi, visi dan objektif Universiti yang jelas hendaklah diterjemahkan melalui proses komunikasi yang jelas kepada staf, pelanggan dan stakeholders. Pihak pengurusan juga perlu menunjukkan tahap kepimpinan dan teladan yang tinggi supaya ia menjadi model kepada semua. Kepentingan stakeholders hendaklah diambil kira dalam membuat keputusan. Pembuat dasar Universiti perlulah memastikan peraturan dan dasar sedia ada ditetapkan oleh *stakeholders* sentiasa dipatuhi.

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Objektif 5

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
5.1	Mempunyai Sistem Penyampaian Perkhidmatan berkualiti berfokuskan kepada kepuasan pelanggan	Melaksanakan tanggungjawab / tugas jawatan dengan sempurna dan berkesan	Pendaftar	Merit kepuasan pelanggan	3.5 ke atas
				Peratus PTJ yang menjalani Audit Perjawatan	100%
				Peratus PTJ dan staf yang mempunyai MPK dan FM	100%
		Memberi perkhidmatan yang berkualiti dan memenuhi kehendak <i>stakeholder</i> dan pelanggan	Pendaftar	Aduan Pelanggan	Sifar
		Melaksanakan program-program pembaharuan dan menambahbaikkan berteraskan kualiti dan produktiviti	Pendaftar	Menubuhkan kumpulan KIK di PTJ	2
	Melaksanakan <i>Balance Scorecard</i> sebagai alat pengukuran prestasi yang praktikal	Pendaftar	Bilangan <i>Balance Scorecard</i>	1	
5.2	Mempunyai Pelan Penggantian Kepimpinan Pentadbiran (<i>Succession Planning</i>)	Menyediakan Pelan Penggantian Kepimpinan (<i>Succession Planning</i>) untuk Dekan termasuk UTeM <i>Leadership Development Program</i> (ULDP)	Pendaftar	Bilangan Pelan Penggantian	1
5.3	Menyedia dan sentiasa meningkatkan kemudahan ICT bagi menyokong dan meningkatkan keberkesanan serta kecekapan pentadbiran dan pengurusan Universiti	Menyediakan sistem untuk:- <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan Staf - Pengurusan Kewangan - Pengurusan aset, inventori dan penyenggaraan - Pengurusan Dokumen - Sokongan Keputusan (<i>Decision Support System</i>) 	Ketua PTJ / Pengarah Pusat Komputer	Bilangan sistem aplikasi yang dibangunkan / diperolehi	6



Objektif 5

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
5.4	Menyedia dan meningkatkan kemudahan ICT yang mencukupi, cekap, boleh harap, selamat, dan boleh capai bila-bila masa dan di mana-mana, kepada semua lapisan pengguna	Merancang dan menyediakan perkakasan, rangkaian dan capaian internet yang mencukupi	Pengarah Pusat Komputer	Kapasiti Internet Keboleharapan (kesediaan) Nisbah PC: Pelajar Nisbah PC: Pensyarah Nisbah PC: Staf Pentadbiran	100 Mbps 99.5% 1:4 1:1 1:1
5.5	Menyedia dan meningkatkan kemudahan bagi Pengurusan Pengetahuan dan Aplikasi atas talian	Membangun kemudahan sistem pengurusan pengetahuan berpusat Membudayakan perkongsian pengetahuan	Pengarah Pusat Komputer Ketua PTj / Pengarah Pusat Komputer	Bilangan sistem pengurusan dokumen. Menyediakan ruang storan kepada Pensyarah secara berpusat.	1 50 GBps
5.6	Menyedia sokongan penggunaan, latihan Kemahiran serta program membudayakan dan penguatkuasaan penggunaan ICT	Menyedia dan melaksanakan program kemahiran ICT untuk semua peringkat pengguna	Pengarah Pusat Komputer	Jumlah jam kursus setahun	4 jam / seorang / setahun
5.7	Memantapkan dan meningkatkan urus tadbir serta hala tuju penggunaan ICT secara menyeluruh	Mewujudkan polisi ICT	Pengarah Pusat Komputer	Bilangan polisi	15



Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa



OBJEKTIF 6

**Memperkukuh
kerjasama dan usaha
sama dengan
organisasi dan
institusi
antarabangsa**

Pengantarabangsaan pengajian tinggi merupakan salah satu inisiatif strategik yang perlu diberikan penekanan bagi memartabatkan UTeM di persada dunia. Untuk membina reputasi di peringkat global UTeM perlu mengembangkan persekitaran pendidikan dan penyelidikan sedia ada dengan meningkatkan kolaborasi dan jaringan antarabangsa strategik dengan universiti antarabangsa ternama. UTeM juga perlu mempamerkan kecemerlangan dalam penyelidikan dan pendidikan supaya Universiti dilihat sebagai rakan antarabangsa yang menarik, mengambil tanggungjawab dalam pembinaan hubungan antarabangsa bagi menjana pembangunan ekonomi setempat dan global jika ingin dilihat mempunyai kekuatan dan daya tarikan sebagai rakan kongsi strategik.

Pembangunan program akademik yang kompetitif berasaskan penyelidikan gunaan dan pendidikan berteraskan profession akan meningkatkan daya saing dan menjadi tarikan lebih ramai pelajar terbaik antarabangsa untuk belajar di UTeM. Usaha juga perlu dipertingkat untuk menarik lebih ramai tenaga pengajar antarabangsa yang mempunyai reputasi akademik yang cemerlang bagi menunjang penyelidikan berkualiti tinggi dan seterusnya dapat menarik lebih ramai pelajar terbaik di dunia untuk mengikuti pengajian di universiti ini.



Strategi pengantarabangsa UTeM yang menyokong visi Universiti dan sewajarnya memberikan keutamaan yang tinggi kepada aktiviti-aktiviti yang dapat mewujudkan jaringan global dengan universiti-universiti terpilih yang strategik dengan matlamat menubuhkan kolaborasi pelbagai dimensi bagi tempoh jangka panjang. Jaringan ini akan menjadi asas kerjasama dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan pengurusan yang merangkumi aktiviti-aktiviti yang melibatkan pelajar, fakulti, mobiliti staf, projek penyelidikan, dan program akademik usahasama. Jaringan dengan universiti luar hendaklah dirancang dengan mengambilkira penglibatan banyak pihak di UTeM dalam kolaborasi yang diwujudkan. Penguksuhan jaringan antarabangsa merupakan pendekatan yang akan melonjakkan keupayaan dan daya saing universiti serta pengiktirafan antarabangsa dalam persaingan global.

Di samping itu, UTeM perlu mempertingkatkan kemudahan prasarana kebajikan untuk pelajar antarabangsa serta persekitaran pembelajaran dan penyelidikan yang kondusif sebagai keperluan tambahan kepada kurikulum program pengajian yang berkualiti dan relevan untuk pelajar antarabangsa.



Objektif 6

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
6.1	Meningkatkan dan memperluas program pengantara-bangsaan universiti	Mengadakan aktiviti pertukaran dan sangkutan dengan institusi luar negara	TNC (A&A) / Dekan Fakulti	Peratus staf mengikuti program pertukaran dan sangkutan	10%
				Peratus pelajar yang dapat pendedahan luar negara	5%
				Peratus pelajar pasca siswazah	15%
		Meningkatkan pengambilan pelajar ijazah pertama dan pasca ijazah luar negara	TNC (A&A) / Dekan HEPA / Dekan Fakulti / Dekan PPS	Peratus pelajar Ijazah pertama	2%
		Meningkatkan tenaga pengajar dari luar negara	Dekan Fakulti / Dekan PPS	Peratus pensyarah luar negara berbanding jumlah tenaga pengajar	5%
		Meningkatkan bilangan dan pengisian MoU dengan institusi dan Industri luar negara	TNC (A&A) / TNC(P&I) / Dekan Fakulti / Dekan UNIC	Bilangan MoU dan MoA Kolaborasi penyelidikan	MoU : 10 MoA : 4 5
		Penglibatan dalam pertandingan di peringkat antarabangsa	TNC (A&A) / TNC (P&I) / Dekan HEPA / Dekan Fakulti	Bilangan anugerah	5
		Menganjurkan dan mengambil bahagian dalam persidangan di peringkat antarabangsa	TNC (A&A) / TNC (P&I) / Dekan Fakulti / Dekan PPS	Bilangan persidangan Peratus staf menghadiri persidangan	3 20%
	Mengenal pasti rakan kerjasama di peringkat antarabangsa khusus untuk memacu dan memperkasa R&D	TNC (A&A) / TNC (P&I) / Dekan Fakulti / Dekan UNIC	Bilangan Universiti Bilangan industri	10 (2 setiap fakulti) 5 (1 setiap fakulti)	



**Mempergiat aktiviti
menjana pendapatan untuk
mengurangkan kebergantungan
kewangan**



OBJEKTIF 7

Mempriaktif aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan

UTeM telah menetapkan strategi untuk menggerakkan kegiatan penjanaan pendapatan dalam usaha untuk mengurangkan penggantungan kewangan dari sumber Kerajaan melalui tiga inisiatif strategik. Di bawah tiga inisiatif strategik ini terdapat lima pelan tindakan telah disusun untuk dilaksanakan. Kejayaan pelaksanaan lima pelan tindakan ini dijangka akan membantu UTeM secara langsung dan tidak langsung mencapai strategi yang telah ditetapkan bagi tempoh 2009 - 2010.

UNIC yang berperanan untuk membawa UTeM menyumbang dalam bidang kejuruteraan dan teknologi melalui perkongsian pintar universiti industri bersama semua fakulti bertanggungjawab untuk meningkatkan kegiatan inovasi dengan rakan industri yang mana sasaran pada tahun 2010 akan memfailkan paten melalui MyIPO. Semua fakulti juga bertanggungjawab menggiatkan aktiviti perundingan pusat kecemerlangan dan pusat pengujian yang berada di bawah penyeliaan fakulti masing-masing.

Manakala UTeM Holding Sdn Bhd, entiti komersil milik penuh UTeM yang berperanan menguruskan aktiviti yang menjana pendapatan melalui kegiatan pengkomersilan/perlesenan teknologi dan perundingan bersama UNIC perlu ditingkatkan ketahap yang boleh dibanggakan.

Seterusnya, Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) yang ditubuhkan pada tahun 2008 bertanggungjawab melaksanakan dua pelan tindakan iaitu menawarkan Program Perdana (Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana - Kerja Kursus) sebagai program eksekutif serta menawarkan kursus pendek dan kursus profesional kepada masyarakat.



Objektif 7

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
7.1	Mengerakkan kegiatan penjaanaan pendapatan untuk mengurangkan penggantungan kewangan	Meningkatkan kegiatan inovasi dengan rakan industri	Dekan UNIC / Dekan Fakulti	Bilangan paten di fail	5
		Meningkatkan kegiatan pengkomersilan / pelesenan teknologi dan perundingan	Dekan UNIC / Pengarah Urusan UTeM Holdings S/B	Bilangan lesen teknologi	3
		Menggiatkan aktiviti perundingan pusat kecemerlangan dan pusat pengujian	Dekan Fakulti	Bilangan syarikat subsidiari	2
		Penawaran Program Perdana (Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana Kerja Kursus) sebagai program eksekutif	Pengarah PPB	Nilai kontrak	RM 3 juta
		Penawaran kursus pendek dan kursus profesional	Pengarah PPB dan kursus profesional	Nilai kontrak	RM 1 juta
				Jumlah pendapatan	RM 1 juta





**Menawarkan program
berasaskan pengetahuan,
profesional dan akademik
ke arah pembudayaan
pembelajaran berterusan**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



OBJEKTIF 8

Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan

Peningkatan kekayaan sesebuah ekonomi sangat bergantung kepada kreativiti dan kepintaran masyarakat dan warga kerjanya. Pengetahuan, kemahiran dan nilai murni merupakan pemangkin utama kepada pembangunan modal insan yang juga boleh direalisasikan melalui pembudayaan pembelajaran berterusan.

Bagi mencapai hasrat tersebut, UTeM bersedia untuk menjadi pendokong utama dalam usaha menjana modal insan bagi penduduk negeri Melaka dan warga Malaysia keseluruhannya. Kampus Bandar yang dilengkapi dengan infrastruktur kondusif dan mudah dicapai oleh kumpulan sasaran akan memastikan bahawa proses pembelajaran berterusan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pembudayaan pembelajaran berterusan akan disasarkan kepada tiga kumpulan utama yang terdiri daripada masyarakat, pekerja dan individu yang ingin mendapatkan peluang kedua pendidikan di peringkat universiti. Proses pembelajaran akan dilakukan melalui penawaran program jangka pendek, diploma eksekutif serta program perdana yang dijalankan secara separuh masa. Program pembelajaran berterusan ini akan menjurus kepada bidang Kejuruteraan, Teknologi Maklumat dan Pengurusan. Kaedah pembelajaran yang digunakan tidak hanya bertumpu kepada syarahan tetapi diperkaya melalui aktiviti-aktiviti penajaan peluang, penasihatn operasi, perundingan dan bimbingan.



Selaras dengan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (2001-2010) Kementerian Pendidikan Tinggi yang memberikan penekanan kepada penggalakan Pendidikan Sepanjang Hayat, pihak pengurusan universiti akan memastikan UTeM sentiasa relevan dalam usaha membudayakan pembelajaran berterusan dalam kalangan masyarakat.



Objektif 8

BIL	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PEGAWAI UNIT OPERASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2010
8.1	Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni masyarakat	Menawarkan program latihan jangka pendek dalam membudayakan ilmu kepada orang awam.	Dekan Fakulti / Pengarah PPB / Pengarah Pusat Kecemerlangan	Bilangan program	20
		Menawarkan program latihan berkala dalam meningkatkan prestasi dalam kalangan usahawan Melaka, khusus dalam bidang kejuruteraan, IT dan pengurusan	Dekan Fakulti / Pengarah PPB / Pengarah Pusat Kecemerlangan	Bilangan program	12
8.2	Meningkatkan kompetensi pekerja industri, sektor awam dan UTeM	Menyediakan Program Pembangunan Profesional (CPD).	Pendaftar / Dekan Fakulti / Pengarah PPB	Bilangan program	12
		Menyediakan program Diploma Eksekutif	Pendaftar / dekan Fakulti / Pengarah PPB	Bilangan Diploma Eksekutif	3
8.3	Menyediakan peluang kedua pendidikan formal melalui pembelajaran berterusan	Menawarkan program-program yang sedia ada di UTeM	Dekan Fakulti / Pengarah PPB	Bilangan Program Diploma	3
		Menawarkan program sarjana muda dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) dan Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT)	Dekan FTMK / Dekan FPTT / Pengarah PPB	Bilangan Program Sarjana Muda	2



DAFTAR KATA

CBT	-	<i>Computer Base Training</i>
CBL	-	<i>Computer Base Learning</i>
FM	-	Fail Meja
FTMK	-	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
HEPA	-	Hal Ehwal Pelajar & Alumni
ICT	-	<i>Information and Communication Technology</i>
KIK	-	Kumpulan Inovatif & Kreatif
KPT	-	Kementerian Pengajian Tinggi
LPU	-	Lembaga Pengarah Universiti
MoA	-	<i>Memorandum of Agreement</i>
MoU	-	<i>Memorandum of Understanding</i>
MPK	-	Manual Prosedur Kerja
MyIPO	-	<i>Intellectual Property Corporation of Malaysia</i>
OBE	-	<i>Outcome Based Education</i>
OCR	-	<i>Optical Character Recognition</i>
PBPI	-	Pusat Bahasa & Pembangunan Insan
PBL	-	<i>Problem Based Learning</i>
PC	-	<i>Personal Computer</i>
P.Eng	-	<i>Professional Engineer</i>
PJKA	-	Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi
PSM	-	Projek Sarjana Muda
PTj	-	Pusat Tanggungjawab
P&P	-	Pengajaran & Pembelajaran
PhD	-	<i>Doctor of Philosophy</i>
PNG	-	Purata Nilai Gred
PNGK	-	Purata Nilai Gred Komulatif
PPB	-	Pusat Pembelajaran Berterusan
PPP	-	Pusat Pengajaran & Pembelajaran
PPPA	-	Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset
PPS	-	Pusat Pengajian Siswazah
R&D	-	<i>Research & Development</i>
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
SWOT	-	<i>Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats</i>
TNC (A&A)	-	Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
TNC (P&I)	-	Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
UNIC	-	Pusat Universiti Industri
UTeM	-	Universiti Teknikal Malaysia Melaka

